

13/10/2001

Melayu lupa jati diri, tidak baca sejarah bangsa

ORANG Melayu hari ini, apabila sudah terdesak dengan masalah yang boleh mengancam keberlangsungan identiti atau jati diri mereka sebagai bangsa yang dikatakan 'dominan' (barangkali dominan dari segi jumlah orangnya, iaitu dari segi jumlah) di negara ini, menggelabah, tidak tahu apa dia yang dikatakan bangsa Melayu itu, lalu mereka bercengkerama tentang isu 'jati diri Melayu', cuba mencari pelbagai takrif yang lebih mengelirukan isu itu lagi. Pada hal jati diri Melayu sudah ada, dibentuk secara kolektif sejak berabad-abad lamanya melalui proses penciptaan tamadun atau cultural production yang dirakamkan dalam wadah pengungkapan tamadun Melayu terpenting, iaitu kesusasteraan Melayu tradisional yang kita warisi hingga sekarang.

Akibat kecelaruan kesedaran jati diri itu, orang Melayu hari ini makin dilihat oleh dunia luar, bahkan oleh orang Melayu sendiri, sebagai bangsa yang tiada budaya kuat untuk menjadi bangsa maju di dunia hari ini. Malah ada orang menulis sajak menghina orang Melayu, mengatakan melalui kata-kata berselindung bahawa orang Melayu tiada apa-apa hak untuk menggelar dirinya sebagai 'Bumiputera' Semenanjung Tanah Melayu.

Ada pula orang, dulunya sarjana dari Universiti Kebangsaan Malaysia, berkata bahawa 'bangsa Melayu', iaitu the Malay nation, sebenarnya tidak wujud. Yang wujud ialah kumpulan etnik Melayu yang menumpukan taat setianya kepada raja - maka disebut hubungan itu sebagai 'kerajaan', tetapi konsep 'bangsa Melayu' sebagai suatu nation tidak ada.

Itulah fahaman atau bacaan saya mengenai pendapat orang itu - kalau salah, tolong tunjukkan.

Setiap hari kita mendengar cerita buruk mengenai orang Melayu, dibesarkan, diheboh-hebohkan, mungkin juga diada-adakan atau direka oleh pelbagai pihak menurut agenda dan kepentingan masing-masing, terutama kepentingan politik dan ideologi.

Jika kita mengunjungi kedai buku bahasa Inggeris yang terbesar di Kuala Lumpur, iaitu Music Power House (MPH) di Mega Mall, Mid-Valley (nama tempat ini dalam bahasa Melayu saya tidak tahu) dan Kinokuniya di KLCC (nama tempat ini dalam bahasa Melayu pun saya tidak tahu!), di situ tidak kelihatan wajah tamadun Melayu yang dapat dicontohi bangsa lain.

Yang kita lihat, antara lain, sejak mutakhir ini ialah dua buku menggambarkan masalah atau krisis nilai yang sedang dihadapi bangsa Melayu. Buku yang saya maksudkan ialah Ugly Malays (oleh Syed Hussein Al-Attas) dan Malays Forget Easily atau Melayu Mudah Lupa oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dulu yang ugly ialah orang Amerika. Sekarang rupa-rupanya orang Melayu juga ugly, iaitu 'buruk'. Bezanya ialah, walaupun orang Amerika ugly, mereka kuat, mampu menguasai dan menggertak dunia, dan pengaruh mereka dalam pelbagai bidang kemajuan merebak ke seluruh dunia. Sedangkan ugly orang Melayu betul-betul ugly - tidak baik untuk dicontohi bangsa lain.

Mungkin benar orang Melayu mudah lupa, dan bagi saya lupa orang Melayu yang paling besar ialah lupanya terhadap jati diri bangsanya.

Mereka tidak membaca sejarah bangsa Melayu, dan lebih penting lagi mereka tidak membaca dan tidak memahami segala makna, yang tersurat dan tersirat, segala metafora dan lambang mengenai jati diri Melayu yang diwariskan kepada mereka oleh pemikir, seniman bijak bestari dan bijaksana bangsa Melayu dulu kala melalui karya khazanah kesusasteraan Melayu tradisional.

Di kedai buku bahasa Inggeris yang besar itu kita lihat banyak buku falsafah bangsa lain, falsafah Barat, juga falsafah bangsa India dan bangsa Cina.

Dalam buku, *Great Thinkers of the West* atau *Fifty Great Philosophers/Thinkers of the East*, tiada seorang pun great thinker atau great philosopher Melayu atau yang berasal dari dunia Melayu atau dunia berbahasa Melayu. Pada hal kita ada apa yang kita sebut 'Karya Agung Melayu'.

Kita berkata karya kesusasteraan Melayu tradisional seperti *Sulalat al-Salatin* (SAS) atau *Hikayat Hang Tuah* (HHT), atau puisi tasawuf atau metafizik Hamzah Fansuri, atau pantun Melayu, atau peribahasa Melayu, semuanya adalah 'karya agung Melayu'. Kalau diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, 'karya agung' bererti great works.

Karya agung Melayu itu tentu lahirnya daripada manusia Melayu atau bangsa Melayu yang secara kolektifnya adalah bangsa yang cukup kreatif, bangsa genius, yang bijak bestari atau bijaksana, atau yang berakal budi tinggi. Manusia itulah dan karya merekalah yang membentuk peradaban atau tamadun bangsa Melayu sepanjang zaman di rantau berbahasa Melayu ini, rantau yang kini disebut rantau Majlis Bahasa Melayu Brunei, Darussalam, Indonesia, Malaysia (MABBIM) dan Majlis Sastera Asia Tenggara (Mastera).

Tetapi sedih, apabila orang lain (bahkan orang kita sendiri) bercakap mengenai great thinkers of the world atau great thinkers of the East atau great works of the world, pengarang SAS, pengarang HHT, dan pengarang di Aceh abad ke-17, seperti Sheikh Nuruddin al-Raniri dan Hamzah Fansuri, tidak termasuk dalam senarai mereka. Mengapa?

Pertama, orang mungkin, menganggap kesusasteraan Melayu tradisional tidak dapat digunakan sebagai bahan yang boleh dipercayai untuk mengkaji tamadun, sejarah pemikiran dan sistem falsafah bangsa Melayu kerana, menurut mereka kebanyakan karya itu, terutama yang bergenre 'hikayat' atau 'lipur lara', adalah cerita dongeng, bukan karya falsafah.

Inilah pendapat kebanyakan pengkaji dulu, terutama sarjana orientals Eropah, yang menganggap naskhah Melayu lama itu penting bagi mereka hanya sebagai bahan kajian filologi atau bahan kajian folklore Melayu, tidak sebagai bahan kajian falsafah atau pemikiran bangsa Melayu.

Kedua, orang boleh terpengaruh dengan pandangan orientalis Barat, terutama R O Winstedt, yang mengkaji budaya dan kesusasteraan Melayu tradisional tidak dari segi hakikat cultural production atau kreativiti dalamannya tetapi dari segi asal-usul atau unsur pengaruh tamadun luarnya.

Berdasarkan paradigma evolusionis-strukturalis yang sangat mempengaruhi kaedah dan pandangan atau nilai pengkaji budaya Eropah terhadap tamadun bangsa lain, Winstedt, seperti kata Braginsky, asyik sekali dengan usaha mencari asal-usul pengaruh asing - khususnya tamadun India, Arab dan Parsi - dalam budaya dan kesusasteraan Melayu 'klasik' itu.

Akibatnya, jika kita membaca karya Winstedt, *The Malays - A Cultural History* dan *The History of Classical Malay Literature* (kedua-dua karya 'klasik' Winstedt ini masih ada di kedai buku), apa yang kita lihat bukan daya cipta budaya dan sastera Melayu, atau bukan budaya atau kesusasteraan Melayu 'jati' tetapi ialah budaya atau kesusasteraan saduran.

Selepas super-structure asing itu dihindarkan sebanyak yang dapat dicari dan kadang-kadang diagak-agak oleh Winstedt, yang tinggal pada budaya atau kesusasteraan Melayu, baik lisan mahupun tulisan, hanyalah ciri prapengaruh Hinduisme dan tamadun Timur Tengah, iaitu ciri animistik atau ciri primitif.

Bagi orang Barat, sastera lisan ialah folklore, sastera primitif, sastera bangsa yang belum mengenal tradisi tulisan. Jadi, yang dikatakan kesusasteraan Melayu itu, menurut Winstedt, ialah kesusasteraan yang berkembang melalui tiga tahap evolusi, iaitu kesusasteraan atau budaya

primitif (yang dipenuhi dengan unsur dan kepercayaan animistik), kesusasteraan zaman klasik yang bermula selepas datangnya pengaruh budaya luar dari India, Timur Tengah (iaitu dunia Arab dan Parsi) yang memperkenalkan tradisi tulisan atau aksara, dan kesusasteraan moden yang bermula pada zaman pengaruh tamadun Barat di dunia Melayu.

`Kesusasteraan Melayu moden' dianggap baru bermula di kawasan dunia Melayu di rantau ini selepas orang Barat dikatakan membawa unsur pembaharuan atau `modenisme' ke alam pemikiran pengarang Melayu.

Berdasarkan perspektif `modenisme' Barat dengan segala unsur yang dianggap `moden' seperti pengenalan tulisan/ejaan Rumi dalam penulisan Melayu, kemasukan genre baru, iaitu `journalism', dan masuknya teknologi percetakan dan penghayatan nilai sosial dan budaya baru, maka Abdullah Munshi dianggap sebagai `bapa kesusasteraan Melayu moden' kerana apa? Kerana Abdullah dikatakan, antara yang lainnya, tidak lagi menulis hal yang dianggap dongeng.

Maka tidaklah menghairankan jika orang menganggap, selepas membaca karya Winstedt itu, kesusasteraan Melayu tidak asli, tidak original. Identiti Melayunya, daya cipta mereka, tidak timbul dengan jelas dalam sejarah atau evolusi kesusasteraan Melayu itu.

Maka orang yang tidak membaca sejarah kesusasteraan itu secara kritis tentu akan bertanya: Bagaimana mungkin sastera saduran itu dapat melahirkan karya agung dan pemikir agung di dunia Melayu?

Ketiga, ketiadaan usaha (setakat yang saya tahu) untuk merekonstruksi dan memberikan takrif yang besar, koheren dan sistematik mengenai falsafah atau pemikiran Melayu berdasarkan korpus kesusasteraan Melayu tradisional yang sudah didokumenkan selama ini menimbulkan kesan bahawa bangsa Melayu tiada sejarah pemikiran dan falsafah yang setaraf dengan bangsa lain di luar kawasan dunia Melayu ini.

`Pengajian Melayu' yang menurut Za'ba, berpunca daripada usaha Winstedt `... in the opening up of Malay Studies in Malaya, masih terpecah-pecah kepada subbidang bahasa, kesusasteraan, budaya (atau antropologi), sosiologi dan sebagainya.

Kita menerbitkan beberapa banyak teks kesusasteraan Melayu tradisional yang diselenggarakan secara ilmiah (ini pun tradisi yang kita warisi daripada pengkaji filologi Barat). Yayasan Karyawan, misalnya, sudah menerbitkan beberapa karya agung dalam genre hikayat, kita juga akan menerbitkan kumpulan pantun Melayu (dalam percetakan) dan kumpulan peribahasa Melayu yang diberi tajuk `Akai Budi Dalam Peribahasa Melayu', dan karya yang bercorak ilmu dan/atau sejarah, seperti misalnya karya Syeikh Nuruddin A-Raniri, puisi Hamzah Fansuri, Taj al-Salatin, dan sebagainya.

Tetapi ini semua terbit sebagai teks berasingan. Akai budi Melayu, falsafah atau pandangan hidup bangsa Melayu, sistem nilainya, konsep ilmunya, konsep Melayu-Islam tentang keadilan, hak manusia, kelakuan moral, budaya dan sosial manusia dan sebagainya, tidak hanya dalam peribahasa, pepatah dan pantun Melayu tetapi juga dalam seluruh korpus dan genre kesusasteraan Melayu tradisional itu, termasuk karya ilmu Melayu tradisional.

Berdasarkan mukadimah yang panjang lebar ini, maka sampailah saya kepada tujuan kertas kerja ini, iaitu untuk mengajak pengkaji tamadun Melayu supaya melakukan suatu usaha rekonstruksi dan sintesis yang sistematik dan komprehensif mengenai sistem pemikiran atau sejarah pemikiran, atau falsafah atau pandangan hidup dan sistem nilai bangsa Melayu berdasarkan teks atau korpus kesusasteraan Melayu tradisional itu.

Usaha inilah, saya kira, yang belum kita lakukan lagi secara besar-besaran. Karya ecerannya mungkin sudah banyak. Orang boleh saja memetik beberapa nilai dan aspek pandangan hidup bangsa Melayu dengan membaca

kumpulan pantun atau peribahasa Melayu yang ditafsirkan maknanya oleh pengumpul karya itu, tetapi cara ini tidak dapat memberikan suatu gambaran lengkap, yang sistematik, yakni yang dihimpunkan dalam skema yang besar.

Sebelum ini, saya menggunakan perkataan 'falsafah Melayu'. Maksudnya ialah, seluruh sistem pemikiran atau pandangan hidup Melayu yang terbentuk secara kolektif melalui pengamalan dan renungan bersama orang Melayu dalam proses interaksi mereka dengan alam sekitar - alam kosmos dan alam renik, atau alam peribadi, alam sosial dan alam flora dan fauna mereka, dan tidak kurang penting sebagai sumber falsafah mereka ialah pengalaman orang Melayu bertembung dan berinteraksi dengan pembawa unsur tamadun lain di luar kawasan dunia mereka. Daripada pengalaman, renungan, pertembungan dan interaksi itu, lahirlah pantun Melayu, peribahasa Melayu, karya lipur lara Melayu, hikayat Melayu, dan karya metafizik Melayu yang memperlihatkan keupayaan akal dan budaya Melayu untuk mentakrifkan diri mereka atau jati diri mereka sebagai 'bangsa Melayu'.

Sekarang saya hendak menggantikan istilah 'falsafah Melayu' itu dengan istilah yang lebih sesuai dengan tamadun Melayu, iaitu istilah akal budi. Inilah perbezaan asas antara makna falsafah atau 'filosof' atau philosophy seperti difahami dalam tradisi pemikiran atau epistemologi Barat.

Di Barat falsafah yang dipelopori pemikir klasik Barat (iaitu bangsa Yunani/Greek) sejak lebih 2400 tahun dulu, sampai ke zaman Plato dan Aristotle, mula dipisahkan daripada sains selepas orang Barat menganggap falsafah bukan ilmu mengenai hakikat fizikal atau mekanistik alam (ini pengaruh fizik mekanistik Isaac Newton) tetapi ialah ilmu spekulatif, misalnya mengenai ontologi, iaitu mengenai soal wujud Tuhan, wujud manusia, wujud alam, semata-mata berdasarkan hujah spekulatif, atau tentang soal nilai, moral dan sebagainya yang kebenarannya tidak dapat dibuktikan melalui kaedah saintifik yang bersifat empirikal dan eksperimental.

Ahli falsafah dikatakan tidak realistik; mereka lebih sibuk membincangkan hal metafizik (pasca-fizik).

Kemuncak krisis epistemologi Barat ini sampai ke zaman Rene Descartes dalam abad ke-17 apabila ahli falsafah (dan juga ahli geometri atau matematik) Perancis ini memisahkan minda manusia daripada otak atau akal - memisahkan jasad dan rohaniah manusia.

Beliau baru mengenal wujudnya dengan berkata: "Aku wujud kerana aku berfikir" [cogito ego sum, dalam bahasa Latinnya), iaitu kerana dia ada jasad, bukan kerana dia ada roh atau minda ghaib.